



MALAYSIA

**Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 60  
No. 17

**30hb Ogos 2016**

*TAMBAHAN No. 86  
PERUNDANGAN (A)*

---

**P.U. (A) 229.**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976**

**UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN  
PERINDUSTRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2016**

---

**SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Undang-  
undang  
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PELESENAN**

3. Lesen diperlukan bagi aktiviti perniagaan
4. Permohonan untuk mendapatkan lesen

Undang-  
undang  
kecil

5. Ketidaklayakan
6. Bentuk lesen
7. Fi lesen
8. Deposit
9. Lesen gantian
10. Pindah milik lesen
11. Pembaharuan lesen
12. Pembatalan lesen

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN KHAS UNTUK KEDAI DOBI

13. Takrif
14. Penentuan dinding dan lantai
15. Kehendak khas bagi kedai dobi
16. Larangan meminjamkan pakaian

### BAHAGIAN IV

#### PERUNTUKAN KHAS UNTUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

17. Takrif
18. Larangan penyekatan keseluruhan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan

### BAHAGIAN V

#### PERUNTUKAN AM

19. Larangan
20. Pemeriksaan perubatan
21. Daftar pekerja
22. Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis perniagaan
23. Pelupusan sampah
24. Pembuangan cecair kotor atau sampah
25. Pengudaraan dan pencahayaan
26. Ruang yang sesak dilarang

Undang-  
undang  
kecil

27. Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu
28. Bahan mudah terbakar
29. Penyimpanan
30. Pembakaran
31. Efluen
32. Penyebaran habuk, dsb.
33. Kacau ganggu
34. Waktu menjalankan aktiviti perniagaan
35. Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan
36. Pengecualian
37. Penalti
38. Pembatalan dan peruntukan peralihan

JADUAL

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], sebagaimana yang diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pengubahaian Akta Kerajaan Tempatan 1976) 2002 [P.U. (A) 142/2002], Perbadanan Putrajaya membuat, dan menurut seksyen 103 Akta, Menteri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

##### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Wilayah Persekutuan Putrajaya) 2016**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2016.

##### **Tafsiran**

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aktiviti perniagaan” ertinya apa-apa aktiviti tred, perniagaan atau perindustrian sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“fi lesen” ertinya kadar bayaran yang ditetapkan bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“institusi pendidikan tinggi swasta” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];

“kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];

“pemegang lesen” ertinya mana-mana orang yang kepadanya lesen premis perniagaan dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini bagi maksud menjalankan aktiviti perniagaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [Akta 536];

“premis” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*];

“premis perniagaan” ertinya premis yang digunakan bagi menjalankan aktiviti perniagaan;

“sekolah swasta” atau “institusi pendidikan swasta” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

## BAHAGIAN II

### PELESENAN

#### **Lesen diperlukan bagi aktiviti perniagaan**

3. (1) Mana-mana orang boleh menggunakan sesuatu premis bagi menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan apabila suatu kebenaran perancangan, jika perlu, bagi maksud tersebut telah diperoleh di bawah undang-undang perancangan yang berkaitan dan suatu lesen premis perniagaan dikeluarkan berkaitan dengan premis itu oleh Perbadanan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Permohonan untuk mendapatkan lesen**

4. (1) Tertakluk kepada undang-undang kecil 3, sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh meluluskan atau tidak meluluskan sesuatu permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(3) Perbadanan boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri atau bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma, atau seorang wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen.

(4) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) kesesuaian dan saiz premis yang akan digunakan untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang dicadangkan;
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang relevan;

- (d) bayaran deposit sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang kecil 8;
- (e) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (f) apa-apa kehendak yang lain di bawah mana-mana undang-undang yang berkaitan.

(5) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa dan semasa sesuatu lesen masih berkuat kuasa, mengenakan apa-apa syarat tambahan ke atas lesen itu atau mengubah atau membatalkan apa-apa syarat yang dikenakan ke atas lesen itu.

(6) Suatu notis bertulis hendaklah diberikan kepada pemegang lesen sebelum Perbadanan membuat apa-apa keputusan di bawah perenggan (5).

### **Ketidaklayakan**

5. Walau apa pun undang-undang kecil 4, tiada lesen boleh dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini kepada mana-mana orang—

- (a) berumur di bawah lapan belas tahun; atau
- (b) jika premis yang dicadangkan olehnya, pada pendapat Perbadanan, tidak sesuai untuk digunakan sebagai premis perniagaan atau premis yang dicadangkan terletak dalam kawasan yang tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti perniagaan yang dicadangkan.

### **Bentuk lesen**

6. Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

### **Fi lesen**

7. (1) Fi lesen yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Perbadanan boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada fi lesen.

(3) Fi lesen yang dibayar di bawah perenggan (1) tidak boleh dibayar balik.

### **Deposit**

8. (1) Perbadanan boleh menghendaki mana-mana orang yang kepadanya lesen telah dikeluarkan membayar deposit sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh ribu ringgit untuk memastikan bahawa peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil dan syarat atau sekatan lesen dipatuhi.

(2) Walau apa pun perenggan (1), Perbadanan boleh mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada tanggungan untuk membayar keseluruhan atau sebahagian deposit.

(3) Sekiranya terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen, Perbadanan hendaklah memberi notis kepada pemegang lesen dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam notis untuk memberi representasi kenapa depositnya tidak boleh dilucutahkan.

(4) Perbadanan boleh, setelah mempertimbangkan representasi yang dikemukakan oleh pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, memutuskan sama ada untuk melucutahkan keseluruhan atau sebahagian deposit.

(5) Tertakluk kepada perenggan (4), Perbadanan boleh menghendaki pemegang lesen untuk menggantikan keseluruhan atau sebahagian deposit yang telah dilucutahkan.

(6) Deposit yang dibayar hendaklah, melainkan dilucutahkan, dibayar balik kepada pemegang lesen tanpa apa-apa pelarasan bagi faedah atas amaun yang diberikan di bawah perenggan (1) selepas pemegang lesen berhenti menjalankan aktiviti perniagaan.

(7) Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada Perbadanan jika dia telah berhenti menjalankan aktiviti perniagaan.

(8) Walau apa pun perenggan (7), pemegang lesen hendaklah memohon kepada Perbadanan dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia berhenti menjalankan aktiviti perniagaan itu untuk depositnya dibayar balik.

(9) Sekiranya pemegang lesen tidak memohon untuk depositnya dibayar balik atau depositnya tidak dituntut dalam tempoh yang dinyatakan di bawah perenggan (8), deposit tersebut akan dilucutahkan dan hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Perbadanan Putrajaya dan hendaklah menjadi sebahagian daripada hasil kumpulan wang itu.

### **Lesen gantian**

9. Jika Perbadanan berpuas hati bahawa suatu lesen yang sah yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini telah hilang, cacat atau rosak, Perbadanan boleh mengeluarkan lesen gantian.

### **Pindah milik lesen**

10. (1) Pemegang lesen boleh mengemukakan permohonan untuk memindah milik lesen kepada mana-mana pihak dengan apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dan Perbadanan boleh meluluskan atau menolak permohonan tersebut.

(2) Fi pindah milik lesen adalah sebanyak lima puluh ringgit.

(3) Walau apa pun perenggan (1), sekiranya berlaku pertukaran entiti atau perubahan nama dalam entiti, pemegang lesen hendaklah mengemukakan salinan sijil pengesahan pertukaran daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

#### **Pembaharuan lesen**

11. (1) Suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dianggap sebagai permohonan untuk suatu lesen.

(2) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen hendaklah dibuat dalam tempoh enam puluh hari sebelum tarikh tamat lesen itu dan hendaklah dibuat dalam apa-apa bentuk dan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan.

(3) Perbadanan boleh, jika difikirkan perlu, menghendaki mana-mana pemohon untuk hadir sendiri atau bagi pihak sesuatu perbadanan atau firma, atau wakil yang diberi kuasa oleh perbadanan atau firma tersebut untuk hadir bagi memberi apa-apa dokumen atau maklumat lanjut berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk memperbaharui suatu lesen.

(4) Perbadanan boleh memperbaharui atau tidak memperbaharui lesen itu dan hendaklah memaklumkan pemohon keputusannya itu secara bertulis atau melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang akan ditentukan oleh Perbadanan dan membayar balik deposit kepada pemohon tertakluk kepada undang-undang kecil 8(9).

(5) Suatu lesen jika diperbaharui di bawah perenggan (4) adalah tertakluk kepada—

- (a) tempoh lesen sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) bayaran fi lesen sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual; dan
- (c) peruntukan Undang-Undang Kecil ini, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Perbadanan dan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

(6) Tiada deposit lanjut perlu diberi oleh pemegang lesen jika lesennya diperbaharui.

(7) Perbadanan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa pampasan kepada pemegang lesen sekiranya lesen tidak diperbaharui di bawah perenggan (4).

#### **Pembatalan lesen**

12. (1) Perbadanan boleh membatalkan suatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang kecil 4 jika Perbadanan berpuas hati bahawa—

- (a) pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana peruntukan Akta, Undang-Undang Kecil, syarat atau sekatan lesen;

- (b) pemegang lesen itu telah, sama ada berkaitan dengan sesuatu permohonan untuk suatu lesen atau pada bila-bila masa selepas suatu lesen dikeluarkan, mengemukakan kepada Perbadanan, dokumen atau perisyntihar yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat;
  - (c) pemegang lesen itu tidak menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan selama tempoh tiga bulan berturut-turut tanpa memaklumkan kepada Perbadanan; atau
  - (d) suatu perintah penggulungan atau perintah kebankrapan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu ketetapan bagi penggulungan sukarela telah diluluskan.
- (2) Pembatalan lesen di bawah perenggan (1) boleh dibuat oleh Perbadanan tanpa apa-apa bayaran pampasan kepada pemegang lesen dan Perbadanan boleh melucutahkan keseluruhan deposit yang telah dibayar di bawah undang-undang kecil 8.
- (3) Sebelum pembatalan suatu lesen, Perbadanan hendaklah memberi notis secara bertulis kepada pemegang lesen menghendaki dia membuat representasi dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis kenapa lesenya tidak boleh dibatalkan.
- (4) (a) Selepas tamat tempoh masa yang dinyatakan di dalam notis di bawah perenggan (3) dan setelah mempertimbangkan representasi pemegang lesen atau jika pemegang lesen gagal membuat representasi, Perbadanan hendaklah terus mempertimbangkan perkara tersebut dan memaklumkan keputusannya dalam notis bertulis kepada pemegang lesen.
  - (b) Jika Perbadanan memutuskan untuk membatalkan lesen itu, pembatalan lesen itu hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang dinyatakan dalam notis yang diserahkan kepada pemegang lesen.
- (5) Mana-mana pemegang lesen yang menjalankan aktiviti perniagaan setelah lesenya dibatalkan di bawah perenggan (4) melakukan suatu kesalahan.

### BAHAGIAN III

#### PERUNTUKAN KHAS UNTUK KEDAI DOBI

##### Takrif

13. Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kedai dobi” ertiannya mana-mana premis perniagaan yang menyediakan perkhidmatan untuk membasuh atau menggosok pakaian secara komersial, sama ada dengan tangan, jentera, menggunakan wap, cucian kering atau dengan apa-apa cara lain;

“pakaian” termasuk kain baju, tuala, linen, ambal, sarung kusyen, alas meja, selimut, sarung bantal, cedar, langsir atau apa-apa barang boleh basuh yang diperbuat daripada bahan bertenun.

#### **Penentuan dinding dan lantai**

14. (1) Dinding dalam kedai dobi di mana kerja membasuh dilakukan dengan tangan hendaklah dilengkapkan dengan jubin berglis atau bahan kalis air setinggi tidak kurang daripada dua meter melainkan jika dikecualikan oleh Perbadanan.

(2) Lantai dalam kedai dobi di mana kerja membasuh dijalankan hendaklah diperbuat daripada bahan kalis air yang licin dan dilandai supaya semua cecair mengalir dan tidak bertakung dalam kawasan membasuh itu.

(3) Mana-mana pemegang lesen kedai dobi yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

#### **Kehendak khas bagi kedai dobi**

15. (1) Pemegang lesen kedai dobi hendaklah memastikan bahawa—

(a) pakaian yang telah dibasuh diasingkan daripada pakaian kotor dan hendaklah disimpan di atas rak, meja, di dalam bekas atau dalam tempat penyimpanan yang sesuai;

(b) semua perkakas, kelengkapan, lekapan dan jentera di dalam premis perniagaan dijaga dalam keadaan bersih pada setiap masa; dan

(c) pakaian yang telah dibasuh tidak dijemur di atas tanah dan hendaklah dijemur di ampaian atau di tempat yang dikhaskan untuk menjemur pakaian dalam kawasan premis perniagaan.

(2) Mana-mana pemegang lesen kedai dobi yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### **Larangan meminjamkan pakaian**

16. (1) Tiada pemegang lesen kedai dobi boleh menggunakan, meminjamkan atau menyewakan mana-mana pakaian yang diamanahkan kepadanya untuk dibasuh atau digosok.

(2) Mana-mana pemegang lesen kedai dobi yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

#### BAHAGIAN IV

##### PERUNTUKAN KHAS UNTUK PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN

###### **Takrif**

17. Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alat solek” ertinya apa-apa bahan yang digunakan bagi merawat atau memelihara kulit muka, kulit atau rambut, dan termasuk kelengkapan dandanan diri;

“dandan rambut” ertinya memindah atau menanam rambut, potong rambut, kerinting rambut, potong kemas, mewarna, mencukur, mensyampu dan tiap-tiap kerja seumpama itu yang biasanya dilakukan oleh seseorang pendandan rambut sama ada dengan tangan, alat, alat elektrik atau dengan menggunakan apa-apa serbuk atau larutan atau dengan apa-apa kombinasi cara-cara itu;

“pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan” ertinya—

- (i) mana-mana premis perniagaan yang digunakan untuk memberikan rawatan kecantikan atau penjagaan kesihatan tetapi tidak termasuk hospital atau klinik di mana pesakit dirawat di bawah pengawasan pegawai perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50], rumah sakit, rumah orang tua atau rumah untuk pemulihan atau mana-mana premis lain yang sama dengannya yang menyediakan perkhidmatan yang berikut atau mana-mana kombinasinya:
  - (a) rawatan muka;
  - (b) merias kuku tangan dan kaki;
  - (c) menanggalkan bulu badan;
  - (d) dandan rambut;
  - (e) mencacah;
  - (f) solekan atau andaman;
  - (g) melangsing badan;
  - (h) mandi herba, susu atau bunga;
  - (i) lulur; atau
  - (j) apa-apa aktiviti yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan sebagai rawatan kecantikan dan penjagaan kesihatan;
- (ii) mana-mana premis perniagaan yang digunakan untuk memberikan urutan, rawatan atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan yang menyediakan perkhidmatan yang berikut atau mana-mana kombinasinya:
  - (1) urutan:
    - (a) urutan tradisional;
    - (b) urutan orang kurang upaya;
    - (c) refleksologi;

- (d) aromaterapi;
  - (e) urutan moden yang menggunakan apa-apa alat;
  - (f) fisioterapi;
  - (g) akupuntur; atau
  - (h) bekam;
- (2) sauna/spa dan jakuzzi;
- (3) aerobik/pusat kecergasan/gimnasium;
- (4) pusat meditasi; atau
- (5) apa-apa rawatan kesihatan yang lain yang dibenarkan oleh Perbadanan.

“rawatan” ertinya apa-apa rawatan kecantikan, rawatan muka, merias kuku tangan dan kaki, dandan rambut, mandi wap atau apa-apa mandian khas yang lain, rawatan kaki, rawatan menggunakan elektrik, melangsing badan atau apa-apa rawatan lain yang sama atau latihan kecergasan fizikal dengan atau tanpa peralatan;

“rawatan herba” ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan bahan herba atau campuran bahan herba yang dihasilkan daripada proses pengeringan, perahan atau pengecutan, tetapi tanpa melibatkan apa-apa proses lain, bahan-bahan semula jadi atau bahan-bahan yang berasal daripada tumbuhan atau mineral atau apa-apa bahagian lain daripada bahan atau bahan-bahan sedemikian;

“rawatan kecantikan” ertinya apa-apa rawatan yang menggunakan alat solek atau rawatan herba pada badan atau mana-mana bahagian badan, muka atau rambut untuk merawat atau memulihkan kulit badan atau muka, melangsingkan badan, urutan muka, dandan rambut, merias kuku tangan dan kaki, sauna atau mandian herba dan spa tetapi tidak termasuk pembedahan plastik.

#### **Larangan penyekatan keseluruhan pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan**

18. (1) Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan atau membenarkan penyekatan keseluruhan ruang atau menggunakan cermin gelap di dalam premis perniagaan yang digunakan untuk pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan.

(2) Pemegang lesen boleh, di ruang yang digunakan untuk menyediakan rawatan kecantikan, menggunakan langsir atau skrin yang dibuat daripada apa-apa bahan yang ditentukan oleh Perbadanan untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk memberi rawatan kecantikan tetapi langsir atau skrin itu tidak boleh melebihi ketinggian dua meter daripada lantai.

(3) Permukaan pintu tempat di mana rawatan kecantikan diberikan hendaklah diliputi satu perempat oleh cermin telus dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar undang-undang kecil ini melakukan suatu kesalahan.

**BAHAGIAN V****PERUNTUKAN AM****Larangan**

19. (1) Tiada pemegang lesen boleh—

- (a) mengambil bekerja mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun;
- (b) mengambil mana-mana warga asing tanpa permit kerja yang sah untuk bekerja di premis perniagaannya;
- (c) membenarkan apa-apa aktiviti perjudian atau yang tidak bermoral atau membenarkan apa-apa perbuatan yang boleh menyebabkan kacau ganggu, gangguan, kecederaan atau kebisingan kepada penduduk di kawasan persekitaran premis perniagaannya;
- (d) membenarkan apa-apa binatang berada di dalam premis perniagaannya melainkan premis yang menjalankan perniagaan atau yang menyediakan perkhidmatan yang melibatkan binatang; dan
- (e) menjalankan aktiviti lain di premis perniagaannya selain daripada aktiviti perniagaan yang dinyatakan dalam lesennya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Pemeriksaan perubatan**

20. (1) Perbadanan boleh pada bila-bila masa, jika Perbadanan fikirkan perlu, mengarahkan pemegang lesen dan pekerja-pekerjanya untuk menjalani pemeriksaan kesihatan oleh seorang pegawai perubatan atau kesihatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Daftar pekerja**

21. (1) Pemegang lesen hendaklah menyediakan suatu buku daftar yang mengandungi nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport dan permit kerja yang sah bagi pekerja bukan warganegara, alamat kediaman terkini, kelayakan, gambar dan apa-apa butiran lain yang berkaitan dengan pekerjanya dan hendaklah mengemukakan buku daftar itu untuk pemeriksaan pada bila-bila masa apabila diminta oleh Perbadanan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Kehendak kebersihan dan penyenggaraan premis perniagaan**

22. (1) Pemegang lesen hendaklah—

- (a) memastikan bahawa semua kelengkapan mekanikal atau elektrik yang digunakan di dalam premis perniagaannya disenggara dalam keadaan baik dan sentiasa selamat untuk digunakan pada setiap masa;
- (b) menjaga semua kawasan, bahagian hadapan dan ruang terbuka yang menjadi sebahagian daripada premis perniagaannya supaya berada dalam keadaan bersih;
- (c) menyediakan tong sampah yang mencukupi di premis perniagaannya; dan
- (d) menyediakan kemudahan tandas yang mencukupi dan memastikan bahawa tandas dalam keadaan bersih pada setiap masa.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Pelupusan sampah**

23. Semua sampah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan hendaklah diletakkan dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah dan hendaklah dilupuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan atau mana-mana agensi yang dipertanggungjawabkan dengan perkara tersebut.

### **Pembuangan cecair kotor atau sampah**

24. (1) Tiada pemegang lesen boleh menyebabkan apa-apa cecair kotor atau sampah yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya dibuang, dilepaskan, ditumpahkan, ditinggalkan atau diselerakkan di mana-mana tempat awam.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

(3) Bagi maksud undang-undang kecil ini, “tempat awam” hendaklah mempunyai erti sebagaimana yang ditafsirkan dalam seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

### **Pengudaraan dan pencahayaan**

25. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapat pencahayaan yang mencukupi dan bersesuaian di dalam premis perniagaannya;

- (b) terdapat pengudaraan yang mencukupi di dalam premis perniagaannya; dan
  - (c) setiap tangga, laluan, jalan keluar dan jalan keluar kecemasan yang menjadi sebahagian daripada premis perniagaannya itu mendapat pencahayaan yang mencukupi.
- (2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Ruang yang sesak dilarang**

26. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa premis perniagaannya tidak sesak dengan apa-apa perabot, benda atau barang-barang yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya yang mungkin menjadkan keselamatan, kesihatan atau menyebabkan kacau ganggu kepada mana-mana orang yang berada dalam premis perniagaan itu.

(2) Jika pada pendapat Perbadanan mana-mana premis perniagaan berada dalam keadaan sesak, Perbadanan boleh, dengan notis secara bertulis mengarahkan pemegang lesen dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis untuk menyusun semula perabot, benda atau barang-barang yang berada dalam premis perniagaan itu hingga Perbadanan berpuas hati bahawa premis perniagaan itu tidak lagi berada dalam keadaan sesak.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Walau apa pun perenggan (3), mana-mana pemegang lesen yang tidak mematuhi perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Peralatan mencegah kebakaran, tangga, jalan keluar dan pintu**

27. (1) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—
- (a) terdapat peralatan memadam api yang mencukupi yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dipasang di premis perniagaannya itu dan berada dalam keadaan yang boleh digunakan; dan
  - (b) semua tangga, laluan, anjung tangga dan jalan keluar jika menjadi sebahagian daripada premis perniagaan itu disenggara dengan baik dan bebas daripada halangan dan setiap pintu di dalam premis perniagaan itu dibina dan dipasang supaya mudah dibuka pada setiap masa.

(2) Perbadanan boleh, melalui notis secara bertulis mengarahkan pemegang lesen untuk melaksanakan kehendak di bawah perenggan (1) dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan dalam notis.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang gagal mematuhi notis yang dikeluarkan di bawah perenggan (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Walau apa pun perenggan (3), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Bahan mudah terbakar**

28. (1) Simen atau apa-apa larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertutup yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan Perbadanan.

(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah  $23^{\circ}\text{C}$  disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, stor yang tidak mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Perbadanan.

(3) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

### **Penyimpanan**

29. (1) Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah pelepasan bahan-bahan berbahaya atau efluen yang mengganggu daripadanya.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

### **Pembakaran**

30. (1) Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar sampah atau bahan atau benda buangan lain yang berkaitan dengan aktiviti perniagaannya melainkan mengikut cara dan di tempat yang diluluskan oleh Perbadanan.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

### **Efluen**

31. (1) Pemegang lesen tidak boleh melepaskan atau menyebabkan atau membenarkan pelepasan sebarang efluen kecuali efluen terolah yang mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 [P.U. (A) 432/2009] dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 [P.U. (A) 433/2009], di tempat atau tempat-tempat pelepasan efluen sebagaimana yang ditetapkan oleh Perbadanan dan diluluskan secara bertulis oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar.

(2) Bagi maksud perenggan (1), “efluen” hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Penyebaran habuk, dsb.**

32. (1) Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membiarkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa habuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau, hiduan, getaran, asap atau jelaga daripada premis perniagaannya yang pada pendapat Perbadanan adalah suatu kacau ganggu atau yang boleh menyebabkan pencemaran udara.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kacau ganggu**

33. (1) Pemegang lesen tidak boleh, semasa menjalankan aktiviti perniagaannya di premis perniagaan, membuat atau menyebabkan atau membiarkan berlakunya apa-apa kacau ganggu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Waktu menjalankan aktiviti perniagaan**

34. (1) Perbadanan boleh mengarahkan aktiviti perniagaan dijalankan di premis perniagaan dalam tempoh dan waktu yang ditetapkan oleh Perbadanan dan pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan itu.

(2) Perbadanan boleh mempertimbangkan suatu permohonan daripada pemegang lesen untuk melanjutkan tempoh dan waktu yang telah ditetapkan oleh Perbadanan di bawah perenggan (1) setelah menerima permohonan secara bertulis daripada pemegang lesen.

(3) Walau apa pun perenggan (2), mana-mana pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan.

**Kuasa untuk memasuki premis bagi tujuan pemeriksaan**

35. Perbadanan boleh—

(a) memasuki dan memeriksa mana-mana premis perniagaan yang digunakan atau yang disyaki oleh Perbadanan dengan sebab yang munasabah digunakan untuk menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan yang lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-Undang Kecil ini; atau

(b) meminta daripada pemegang lesen apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan premis perniagaan itu dan pemegang lesen atau pekerjaanya hendaklah memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

### **Pengecualian**

36. Perbadanan boleh, sama ada dengan atau tanpa syarat mengecualikan mana-mana pemegang lesen daripada mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

### **Penalti**

37. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, boleh dikenakan denda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

### **Pembatalan dan peruntukan peralihan**

38. (1) Undang-Undang Kecil yang berikut dibatalkan:

- (a) Undang-Undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Perbadanan Putrajaya) 1999 [*Sel. P.U. 45*];
- (b) Undang-Undang Kecil Kedai Dobi (Perbadanan Putrajaya) 1999 [*Sel. P.U. 36*];
- (c) Undang-Undang Kecil Perlesenan Premis Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Perbadanan Putrajaya) 1999 [*Sel. P.U. 37*]; dan
- (d) Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (Perbadanan Putrajaya) 1999 [*Sel. P.U. 34*].

(2) Apa-apa lesen yang dikeluarkan atau kelulusan yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sepenuhnya sehingga lesen itu habis tempoh, dipinda, digantung atau dibatalkan, atau kelulusan itu habis tempoh atau dibatalkan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan, yang hanya bagi maksud itu Undang-Undang Kecil yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.

(3) Mana-mana prosiding yang belum selesai atau yang telah dimulakan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan sebelum Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa hendaklah diteruskan dan diselesaikan di bawah Undang-Undang Kecil yang dibatalkan seolah-olah Undang-Undang Kecil ini tidak dibuat.

**JADUAL***[undang-undang kecil 2 dan 7]***FI LESEN TAHUNAN****(A) TRED**

1. Pejabat Urusan	1 unit – RM200.00 2 unit – RM400.00 Melebihi 3 unit – RM500.00 Bangunan/Menara (0 hingga 5 tingkat) – RM3,000.00 Bangunan/Menara (melebihi 5 tingkat) – RM5,000.00
2. Kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta	1 unit – RM200.00 2 unit – RM400.00 Melebihi 3 unit – RM500.00 Bangunan/Menara (0 hingga 5 tingkat) – RM3,000.00 Bangunan/Menara (melebihi 5 tingkat) – RM5,000.00
3. Bank dan institusi kewangan	1 unit – RM200.00 2 unit – RM400.00 Melebihi 3 unit – RM500.00 Bangunan/Menara (0 hingga 5 tingkat) – RM3,000.00 Bangunan/Menara (melebihi 5 tingkat) – RM5,000.00
4. Kedai buku dan alat tulis	1 unit – RM200.00 2 unit – RM400.00 Melebihi 3 unit – RM500.00 Bangunan/Menara (0 hingga 5 tingkat) – RM3,000.00 Bangunan/Menara (melebihi 5 tingkat) – RM5,000.00
5. Institusi pendidikan tinggi swasta, sekolah swasta atau institusi pendidikan swasta	1 unit – RM200.00 2 unit – RM400.00 Melebihi 3 unit – RM500.00 Bangunan/Menara (0 hingga 5 tingkat) – RM3,000.00 Bangunan/Menara (melebihi 5 tingkat) – RM5,000.00
6. Barang elektrik atau elektronik atau komputer	RM3.00 bagi setiap meter persegi
7. Perabot	RM3.00 bagi setiap meter persegi
8. Hiasan dalaman/barangan hiasan dalaman	RM3.00 bagi setiap meter persegi
9. Peralatan dan perkakasan rumah/pejabat	RM3.00 bagi setiap meter persegi
10. Peralatan dan kelengkapan dapur	RM3.00 bagi setiap meter persegi

**FI LESEN TAHUNAN**

11.	Perkhidmatan menjahit	RM3.00 bagi setiap meter persegi
12.	Pakaian, tekstil dan alat jahitan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
13.	Kosmetik dan kelengkapan dandanan diri	RM3.00 bagi setiap meter persegi
14.	Peralatan makmal, saintifik dan perubatan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
15.	Ubat, farmasi dan produk kesihatan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
16.	Barang kemas, hiasan diri dan persendirian	RM3.00 bagi setiap meter persegi
17.	Jam	RM3.00 bagi setiap meter persegi
18.	Bagasi	RM3.00 bagi setiap meter persegi
19.	Cenderamata	RM3.00 bagi setiap meter persegi
20.	Barang optik	RM3.00 bagi setiap meter persegi
21.	Peralatan, aksesori dan perkhidmatan fotografi	RM3.00 bagi setiap meter persegi
22.	Bunga dan tumbuhan tiruan/hidup	RM3.00 bagi setiap meter persegi
23.	Perkhidmatan andaman dan pakaian pengantin	RM3.00 bagi setiap meter persegi
24.	Telefon dan aksesori	RM3.00 bagi setiap meter persegi
25.	Barangan antik	RM3.00 bagi setiap meter persegi
26.	Menjilid buku atau membuat fotokopi	RM3.00 bagi setiap meter persegi
27.	Tukang kunci	RM3.00 bagi setiap meter persegi
28.	Pusat/studio rakaman audio	RM3.00 bagi setiap meter persegi
29.	Stesen minyak/gas/elektrik	RM3.00 bagi setiap meter persegi
30.	Media digital/eletronik dan aksesori berkaitan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
31.	Barangan logam (untuk sektor pembinaan dan pembuatan)	RM3.00 bagi setiap meter persegi
32.	Alat-alat muzik atau kelengkapan muzik	RM3.00 bagi setiap meter persegi

**FI LESEN TAHUNAN**

33.	Kelas kesenian/kebudayaan/kemahiran	RM3.00 bagi setiap meter persegi
34.	Peralatan, bahan dan hiasan landskap	RM3.00 bagi setiap meter persegi
35.	Kenderaan berat	RM3.00 bagi setiap meter persegi
36.	Kereta, motorsikal, bot dan jet ski	RM3.00 bagi setiap meter persegi
37.	Mesin dan jentera	RM3.00 bagi setiap meter persegi
38.	Basikal dan aksesori	RM3.00 bagi setiap meter persegi
39.	Peralatan kesihatan, kecergasan dan sukan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
40.	Produk berdasarkan tembakau (seperti rokok/curut dan produk seumpamanya)	RM3.00 bagi setiap meter persegi
41.	Kemasan bangunan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
42.	Alat permainan dan barang hobি	RM3.00 bagi setiap meter persegi
43.	Percetakan digital	RM3.00 bagi setiap meter persegi
44.	Kedai barang runcit/kedai serbaneka (seperti pasar raya dan gedung)	RM3.00 bagi setiap meter persegi
45.	Sewaan kereta	RM3.00 bagi setiap meter persegi
46.	Haiwan peliharaan, dandanan binatang, peralatan dan makanan haiwan dan/atau rumah tumpangan haiwan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
47.	Agensi teman sosial	RM3.00 bagi setiap meter persegi
48.	Kedai bebas cukai	RM3.00 bagi setiap meter persegi
49.	Pengurusan mayat dan pengebumian	RM3.00 bagi setiap meter persegi
50.	Baja, racun atau kimia-kimia lain yang serupa	RM3.00 bagi setiap meter persegi
51.	Barangan terpakai/besi buruk	RM3.00 bagi setiap meter persegi
52.	Bahan berbahaya yang mudah terbakar tidak termasuk petroleum dan gas	RM3.00 bagi setiap meter persegi

**FI LESEN TAHUNAN**

53. Dobi	RM3.00 bagi setiap meter persegi
54. Stor kayu	RM3.00 bagi setiap meter persegi
55. Agensi pelancongan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
56. Agensi pekerjaan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
57. Jualan tiket pengangkutan awam	RM3.00 bagi setiap meter persegi
58. Pusat kecantikan dan penjagaan kesihatan (selain daripada aerobik/ pusat kecergasan/gimnasium)	RM50.00 bagi setiap meter persegi
59. Aerobik/pusat kecergasan/gimnasium	RM5.00 bagi setiap meter persegi
60. Joki kereta	RM200.00 bagi setiap lesen

**(B) STOR**

1. Gudang/stor makanan	RM3.00 bagi setiap meter persegi
2. Gudang/stor barang-barang lain	RM3.00 bagi setiap meter persegi
3. Gudang/stor bahan merbahaya	RM3.00 bagi setiap meter persegi

**(C) PERINDUSTRIAN**

1. Barang-barang berdasarkan logam	RM5.00 bagi setiap meter persegi
2. Media digital dan elektronik	RM5.00 bagi setiap meter persegi
3. Makanan dan perkakasan haiwan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
4. Baja	RM5.00 bagi setiap meter persegi
5. Kenderaan, jentera dan mesin	RM5.00 bagi setiap meter persegi
6. Alat-alat ganti dan aksesori kenderaan bermotor	RM5.00 bagi setiap meter persegi
7. Basikal	RM5.00 bagi setiap meter persegi
8. Tayar dan tiub	RM5.00 bagi setiap meter persegi
9. Bahan binaan	RM5.00 bagi setiap meter persegi

**FI LESEN TAHUNAN**

10.	Bateri	RM5.00 bagi setiap meter persegi
11.	Kabel dan wayar	RM5.00 bagi setiap meter persegi
12.	Permaidani dan hamparan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
13.	Keranda dan batu nisan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
14.	Kosmetik dan kelengkapan dandanan diri	RM5.00 bagi setiap meter persegi
15.	Bahan pencuci, alat-alat mencuci dan bahan-bahan lain yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
16.	Bahan pengilap	RM5.00 bagi setiap meter persegi
17.	Mengisi gas ke dalam botol atau silinder	RM5.00 bagi setiap meter persegi
18.	Dadah/ubat-ubat dan keluaran-keluaran farmasi	RM5.00 bagi setiap meter persegi
19.	Fabrik/kulit atau pakaian	RM5.00 bagi setiap meter persegi
20.	Menjahit dan menyulam	RM5.00 bagi setiap meter persegi
21.	Barang-barang elektrik dan elektronik	RM5.00 bagi setiap meter persegi
22.	Barang-barang komputer	RM5.00 bagi setiap meter persegi
23.	Membuat barang-barang perubatan, saintifik dan makmal	RM5.00 bagi setiap meter persegi
24.	Kaca dan cermin	RM5.00 bagi setiap meter persegi
25.	Anggota badan palsu	RM5.00 bagi setiap meter persegi
26.	Produk dibuat daripada gelas serabut, gentian sintetik, kapas tali dan produk seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
27.	Mercun dan bahan letupan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
28.	Gas mudah terbakar	RM5.00 bagi setiap meter persegi
29.	Keluaran petroleum termasuk minyak pelincir dan lain-lain minyak yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
30.	Produk berdasarkan emas, perak, tembaga dan bahan-bahan yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi

**FI LESEN TAHUNAN**

31.	Peralatan sembahyang dan barang-barang lain yang berkaitan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
32.	Batu kapur	RM5.00 bagi setiap meter persegi
33.	Cat	RM5.00 bagi setiap meter persegi
34.	Kertas dan hasil-hasil kertas	RM5.00 bagi setiap meter persegi
35.	Plastik, barang-barang daripada bahan plastik atau bahan lain yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
36.	Kaca, barang-barang daripada bahan kaca atau bahan lain yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
37.	Logam, barang-barang daripada bahan logam atau bahan lain yang seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
38.	Papan dan kayu	RM5.00 bagi setiap meter persegi
39.	Perabot	RM5.00 bagi setiap meter persegi
40.	Barang-barang tembikar	RM5.00 bagi setiap meter persegi
41.	Percetakan (berskala besar)	RM5.00 bagi setiap meter persegi
42.	Pam dan penapis air	RM5.00 bagi setiap meter persegi
43.	Keluaran getah	RM5.00 bagi setiap meter persegi
44.	Tirai dan bidai	RM5.00 bagi setiap meter persegi
45.	Alat tulis	RM5.00 bagi setiap meter persegi
46.	Barang-barang mainan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
47.	Barangan pertanian dan kimia industri	RM5.00 bagi setiap meter persegi
48.	Blok ais	RM5.00 bagi setiap meter persegi
49.	Visual iklan	RM5.00 bagi setiap meter persegi
50.	Makanan dan produk seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi
51.	Minuman dan produk seumpamanya	RM5.00 bagi setiap meter persegi

**(D) BENGKEL**

- |    |                         |                                  |
|----|-------------------------|----------------------------------|
| 1. | Alat ganti dan aksesori | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
|----|-------------------------|----------------------------------|

**FI LESEN TAHUNAN**

- |    |   |                                  |
|----|---|----------------------------------|
| 2. | Pemasangan penyaman udara di kenderaan                        | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 3. | Kenderaan bermotor dan kenderaan marin                        | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 4. | Tayar   | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 5. | Mencuci dan/atau menggilap kereta                             | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 6. | Menyembur cat, selulosa dan bahan-bahan kimia lain            | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 7. | Kerja-kerja kejuruteraan                                      | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 8. | Kerja-kerja kimpalan  | RM5.00 bagi setiap meter persegi |
| 9. | Pertukangan batu, kayu, kaca dan logam (termasuk papan iklan) | RM5.00 bagi setiap meter persegi |

**(E) PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**

- |    |   |                                  |
|----|---|----------------------------------|
| 1. | Menternak burung walit                          | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
| 2. | Menternak lebah, lintah, cacing dan seumpamanya | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
| 3. | Tempat pembiakan haiwan                         | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
| 4. | Rumah sembelihan binatang                       | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
| 5. | Kolam pancing                                   | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
| 6. | Semaian tumbuhan                                | RM3.00 bagi setiap meter persegi |

**(F) LAIN-LAIN**

- |  |                                  |
|--|----------------------------------|
| Mana-mana aktiviti perniagaan yang tidak termasuk dalam Jadual | RM3.00 bagi setiap meter persegi |
|--|----------------------------------|

Dibuat 29 Ogos 2016  
[PPJ/U/GLB/20; PN(PU2)328A/XXVII]

**DATUK HAJI HASIM BIN HAJI ISMAIL**  
*Presiden Perbadanan Putrajaya*

Disahkan 29 Ogos 2016  
[KWP(S)24/907/88 Jilid 7(14); PN(PU2)328A/XXVII]

**DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR**  
*Menteri Wilayah Persekutuan*

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2016

---

#### ARRANGEMENT OF BY-LAWS

---

##### PART I

###### PRELIMINARY

By-law

1. Citation and commencement
2. Interpretation

##### PART II

###### LICENSING

3. Licence required for business activity
4. Application for a licence
5. Disqualification
6. Form of licence
7. Licence fee
8. Deposit
9. Replacement of licence
10. Transfer of licence
11. Renewal of licence
12. Revocation of licence

##### PART III

###### SPECIAL PROVISIONS FOR LAUNDRY

13. Definition
14. Wall and floor specifications
15. Special requirements for laundry
16. Prohibition of lending out clothes

---

**PART IV****SPECIAL PROVISIONS FOR BEAUTY AND HEALTH CARE CENTRE**

By-law

17. Definition
18. Prohibition on full partitioning of beauty and health care centre

**PART V****GENERAL PROVISIONS**

19. Prohibitions
20. Medical examination
21. Register of employees
22. Sanitary requirements and maintenance of the business premise
23. Disposal of refuse
24. Spilling of noxious liquid or refuse
25. Ventilation and lighting
26. Crowded space is prohibited
27. Fire-fighting equipment, staircases, exits and doors
28. Inflammable substances
29. Storage
30. Burning
31. Effluent
32. Spreading of dust, *etc.*
33. Nuisance
34. Operating hours for business activity
35. Power to enter premise for inspection purposes
36. Exemption
37. Penalty
38. Revocation and transitional provisions

**SCHEDULE**

## LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

### LICENSING OF TRADES, BUSINESSES AND INDUSTRIES (FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA) BY-LAWS 2016

IN exercise of the powers conferred by paragraph 102(s) of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], as modified by the Federal Territory of Putrajaya (Modification of Local Government Act 1976) Order 2002 [*P.U. (A) 142/2002*], the Perbadanan Putrajaya makes, and pursuant to section 103 of the Act, the Minister confirms, the following by-laws:

#### PART I

##### PRELIMINARY

##### Citation and commencement

1. (1) These by-laws may be cited as the **Licensing of Trades, Businesses and Industries (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2016**.

(2) These By-laws come into operation on 1 September 2016.

##### Interpretation

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“business activity” means any trade, business or industrial activity as specified in the Schedule;

“licence fee” means the prescribed payment rate for a licence issued under these By-laws as specified in the Schedule;

“private higher educational institution” shall have the same meaning as defined in the Private Higher Educational Institutions Act 1996 [*Act 555*];

“licensee” means any person to whom a business premise licence is issued under these By-laws for the purpose of operating a business activity as prescribed in the Schedule;

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*];

“premise” shall have the same meaning as defined in the Street, Drainage and Building Act 1974 [*Act 133*];

“private healthcare facilities and services” shall have the same meaning as defined in the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [*Act 586*];

“business premise” means a premise which is used to operate a business activity;

“private school” or “private educational institution” shall have the same meaning as defined in the Education Act 1996 [*Act 550*].

---

PART II

LICENSING

**Licence required for business activity**

3. (1) Any person may use any premise for operating any business activity when a planning approval, if necessary, for that purpose has been obtained under the relevant planning law and a business premise license has been issued pertaining to the said premise by the Perbadanan under these By-laws.

(2) Any person who contravenes paragraph (1) commits an offence.

**Application for a licence**

4. (1) Subject to by-law 3, an application for a licence under these By-laws shall be made in such form and manner as determined by the Perbadanan.

(2) The Perbadanan may approve or not approve an application for a licence under these By-laws.

(3) The Perbadanan may, if the Perbadanan thinks necessary, require any applicant to attend in person or on behalf of a corporation or firm, or a representative authorised by the corporation or firm to attend to furnish any document or further information regarding an application for a licence.

(4) A licence issued under these By-laws shall be subject to—

- (a) the licence period as determined by the Perbadanan;
- (b) the suitability and the size of the premise to be used to operate the proposed business activity;
- (c) the provisions of these By-laws, conditions and restrictions imposed by the Perbadanan and by any relevant authorities;
- (d) payment of deposit as provided in by-law 8;
- (e) payment of a licence fee as prescribed in the Schedule; and
- (f) any other requirements under any relevant laws.

(5) The Perbadanan may, from time to time and while a licence is still in force, impose any additional conditions on the licence or amend or revoke any condition imposed on the licence.

(6) A written notice shall be given to the licensee before the Perbadanan makes any decision under paragraph (5).

### **Disqualification**

5. Notwithstanding by-law 4, no licence shall be issued under these By-laws to any person—

- (a) under the age of eighteen years old; or
- (b) if the premise proposed by him, in the opinion of the Perbadanan, is not suitable to be used as a business premise or the proposed premise is located in an area which is not suitable for operating the proposed business activity.

### **Form of licence**

6. A licence issued under these By-laws shall be in any form as may be determined by the Perbadanan.

### **Licence fee**

7. (1) The licence fee payable for the issuance of a licence under these By-laws is as specified in the Schedule.

(2) The Perbadanan may exempt any licensee from the responsibility of paying the whole or any part of the licence fee.

(3) The licence fee paid under paragraph (1) shall not be refundable.

### **Deposit**

8. (1) The Perbadanan may require any person to whom a licence is issued to pay a deposit of an amount of money not exceeding fifty thousand ringgit to ensure that the provisions of the Act, By-laws and the conditions or restrictions of the licence are observed.

(2) Notwithstanding paragraph (1), the Perbadanan may exempt any licensee from the responsibility of paying the whole or any part of the deposit.

(3) If there is a breach of any of the provisions of the Act, By-laws, conditions or restrictions of the licence, the Perbadanan shall give notice to the licensee within the time specified in the notice to give representation as to why his deposit shall not be forfeited.

(4) The Perbadanan may, after considering the representation given by the licensee or if the licensee fails to make a representation, decides either to forfeit the whole or part of the deposit.

